

Arifin cadang Jheains bincang dengan UMS wujud diploma profesionalisme imam

NST 16.11.2017 3

KUNDASANG: Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Haji Mohd Arifin Mohd Arif mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (Jheains) berbincang dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mewujudkan persijilan atau diploma profesionalisme imam.

“Saya meminta Jheains supaya mengadakan perbincangan dengan UMS khasnya Pusat Program Pendarasan Islam UMS untuk mewujudkan persijilan atau diploma profesionalisme imam UMS bagi melahirkan imam-imam muda yang berwibawa dan cemerlang,” katanya.

Mohd Arifin yang dipertanggungjawabkan tentang hal ehwal agama Islam di negeri ini berkata usaha seperti itu akan membolehkan lebih ramai lagi imam-imam muda dapat dilahirkan sebagai pelapis kepada imam-imam yang ada sekarang.

Berucap merasmikan Bengkel Profesionalisme bagi lebih 40 orang imam di Sabah yang diadakan di Pusat Latihan dan Dakwah Kun-

dasang di sini, Mohd Arifin berkata sekiranya diwujudkan kursus peringkat persijilan atau diploma di universiti itu ia akan memberikan peluang kepada generasi muda yang lebih cenderung kepada bidang keagamaan.

Mengenai bengkel sebanyak tiga siri anjuran Jheains dengan kerjasama Jakim, Mohd Arifin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut berkata bengkel ini bagi mendedahkan para imam berhubung pengurusan dan etika imam secara profesional yang melibatkan penampilan diri, akhlak, mengurus jemaah dan masyarakat.

Beliau berkata bengkel siri ketiga menghasilkan sebuah manual kerja imam di Sabah yang dihasilkan oleh para imam dengan bimbingan pensyarah serta fasilitator bengkel.

Buku Manual Kerja Imam kata Mohd Arifin akan dimurnikan oleh Jheains dan dicetak untuk diedarkan kepada semua imam sebagai garis panduan mereka.



SIJIL...Arifin menyampaikan sijil penyertaan Bengkel 3 Siri Profesionalisme Imam kepada salah seorang imam.